

MAHATHIR-MERDEKA 'R' 'R' 'R'

1982

KUALA LUMPUR, 23 OGOS (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU RAKYAT MENGISI ERTI KEMERDEKAAN YANG DICAPAI 25 TAHUN LALU DENGAN LEBIH BERTANGGUNGJAWAB BAGI MENCAPAI CITA-CITA UNTUK MEMBANGUNKAN SEBUAH NEGARA KUAT DAN SIHAT SERTA DIHORMATI OLEH DUNIA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEMERDEKAAN BUKAN SEMATA-MATA BERERTI PEMBEBASAN DARI PEMERINTAHAN PENJAJAH TETAPI YANG UTAMANHA IALAH SEMANGAT, DORONGAN DAN TINDAKAN UNTUK MENGISI DAN MEMBAWA KEMULIAAN, KESEJAHTERAAN DAN KEBAHAGIAN KEPADA BANGSA DAN NEGARA.

+BUKAN KEKAYAAN NEGARA YANG MEMBERI MAKNA KEPADA KEMERDEKAAN TETAPI MARUAH DAN KEHORMATAN YANG DITUNJUK KEPADA BANGSA DAN NEGARA,+ TEGAS BELIAU SEMASA MERASMIKAN PAMERAN +MALAYSIA 25 TAHUN+ DI MUZIUM NEGARA.

BELIAU MENGINGATKAN, PROSES MENGISI DAN MENGEKALKAN KEMERDEKAAN ADALAH SATU PROSES YANG BERTERUSAN DAN ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB RAKYAT SENDIRI UNTUK MENJAGA MARUAH DAN KEHORMATAN NEGARA.

+JIKA KITA TIDAK MAHU MEMBELA MARUAH KITA, MAKA KITALAH YANG PERLU DISALAHKAN.....JIKA KITA TIDAK DIHORMATI MAKA MERDEKA TIDAK MEMPUNYAI MAKANA+. --LAGI 1725/MD

MAHATHIR-MERDEKA 2 KUALA LUMPUR

OLEH YANG DEMIKIAN, PERDANA MENTERI MENGULANGI HARAPANNYA AGAR RAKYAT TIDAK BERHARAP KEPADA ORANG LAIN UNTUK SELAMALAMANYA TETAPI PERLU BERUSAHA UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA SENDIRI. TEGASNYA, SIFAT-SIFAT MALAS UNTUK MEMBUAT KERJA-KERJA TERTENTU HENDAKLAH DIKIKISKAN KERANA KECEKAPAN BOLEH DIDAPATI JIKA RAKYAT BERUSAHA.

+SIFAT TIDAK INGIN MEMBUAT KERJA YANG BERAT DAN KOTOR ATAU SIFAT, JIKA MEMBUAT KERJA RINGAN, TIDAK DIBUAT BERSUNGGUH-SUNGGUH BOLEH KITA ATASI JIKA KITA BETUL-BETUL BERMINAT+.

BELIAU BERHARAP PAMERA ITU AKAN MEMBANGKITKAN PERASAAN HALUS DI HATI SANUBARI TERUTAMA PERASAAN KAGUM, BANGGA, INSAF SERTA HORMAT DAN CINTAKAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENGASAS NEGARA TELAH MENUNAI-KAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DENGAN MEREBut BALIK KEMERDEKAAN DAN MERINTIS JALAN KE ARAH NEGARA YANG BAHAGIA.

+SEKARANG IALAHMASA KITA. JIKA KITA GAGAL MAKA AKAN SIA-SIA SAHAJALAH PERJUANGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA DAN PEJUANG-PEJUANG YANG TERDAHULU DARI KITA+.

--LAGI 1745/AN

MAHATHIR-MERDEKA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP RAKYAT TIDAK MELIHAT PAMERAN ITU SEBAGAI SATU ACARA MENGISI PROGRAM JUBLI PERAK KEMERDEKAAN NEGARA SEMATA-MATA TETAPI IA PATUT MEMBANTU MENINGKATKAN INGATAN DAN KEINSAFAN TERHADAP PERISTIWA SERTA LIKU-LIKU SEJARAH TANAH AIR.

KATANYA, TANPA MENGENALI SEJRAH, SESEORANG ITU TIDAK AKAN TAHU DARI MANA IA DATANG DAN APAKAH MASALAH YANG TELAH DIHADAPI.

TANPA PENGETAHUAN SEJARAH JUGA RAKYAT BUKAN SAHAJA TIDAK TAHU BERSYUKUR TETAPI TIDAK AKAN TAHU BAGAIMANA MENGHADAPI CABARAN DAN BERUSAHA MENCAPAI KEJAYAAN.

+TANPA PENGETAHUAN DAN KESEDARAN INI, KITA AKAN DIDERA DENGAN MENGULANGI KESILAPAN KITA BERKALI-KALI.+

PERDANA MENTERI MENGGESA PENULIS, PARA ARTIS SERTA INTELEKTUAL TEMPATAN MENEROKA BIDANG-BIDANG PENULISAN, DRAMA DAN PERFILEMAN DENGAN LEBIH GIAT LAGI SEBAGAI ALAT MENYEDARKAN RAKYAT KEPADA NILAI KEMERDEKAAN.

KATANYA, BIDANG SEJARAH SANGAT DIPERLUKAN DALAM USAHA PEMBANGUNAN NEGARA DAN 25 TAHUN MERDEKA DAN SEJARAH SEBELUMNYA SERTA HARAPAN SERTA CITA-CITA UNTUK MASA DEPAN ADALAH BAHAN YANG PERLU DIKAJI, DITULIS DAN DIKEMUKAKAN KEPADA RAKYAT.

PAMERAN ITU MENGESAN KEGEMILANGAN SEJARAH ZAMAN SILAM, KEDATANGAN PENJAJAH, PERJUANGAN MENUNTUT KEMERDEKAAN DAN SEGALA USAHA UNTUK PEMBANGUNAN DAN ASPIRASI NEGARA UNTUK MASA DEPAN. --BERNAMA 1810/MD